

e-Mahkamah dilaksanakan Mac 2006

Oleh Ahmad Johari Mohd Alie

KUALA LUMPUR: Hakim tidak perlu merekodkan keterangan saksi dalam perbicaraan di mahkamah dan boleh melihat air muka saksi serta peguam apabila Sistem mahkamah elektronik (e-Mahkamah) dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara, Mac tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata dengan adanya sistem itu, hakim hanya perlu meneliti keterangan saksi yang ditaip oleh jurutranskrip melalui skrin komputer yang dipasang di depan mereka.

Katanya, sistem yang dikenali sebagai 'Sistem Merekod Keterangan Kes' (CRT) itu juga dilengkapi dengan sistem sokongan jika jurutaip tertinggal perkataan, dengan sistem audio bagi membolehkan keterangan dimasukkan kemudian supaya pembetulan dapat dibuat.

"Kadang-kadang hakim perlu melihat saksi, jadi jika ada jurutranskrip yang menaip keterangan itu, beliau boleh tengok saksi dan menumpukan perhatian kepada perbicaraan tanpa perlu menulis pada masa sama.

"Semua keterangan yang direkod akan disimpan. Jadi tiada risiko untuk hilang kerana keterangan itu perlu dirujuk kembali terutama apabila kes melalui proses rayuan.

"Sistem itu bukan saja dapat mempercepatkan proses perbicaraan, malah rekod yang disimpan dapat dibuat dengan tepat dan dengan sedikit bayaran, pihak terbabit (pendakwa dan pembelaan) juga boleh mendapatkan salinan rekod itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan proses perbicaraan menggunakan CRT di Mahkamah Tinggi (Sivil 1) di Wisma Denmark, di sini semalam.

Mahkamah Tinggi Sivil 1 adalah antara dua mahkamah yang melaksanakan projek perintis CRT melalui skop e-Kehakiman yang dilaksanakan kerajaan sejak September 2004.

Sebuah lagi mahkamah yang terbabit dalam projek perintis sistem baru itu ialah Mahkamah Tinggi (Dagang 1) di Bangunan Sultan Abdul Samad, di sini.

Selain CRT, skop e-Mahkamah juga membabitkan Sistem Pengurusan Kes yang dijalankan di 11 mahkamah secara perintis iaitu enam mahkamah di Jalan Raja Laut, dua mahkamah di Jalan Sultan Abdul Samad, sebuah mahkamah di Wisma Denmark dan dua mahkamah di Putrajaya.